

**POLITEKNIK SEBERANG PERAI RANGKUL TEMPAT PERTAMA DAN KEDUA PERTANDINGAN INOVASI  
MYAGROSIS POLITEKNIK MALAYSIA**

(28 NOVEMBER 2017) – Projek **2 in 1 Mesin Kacang Tanah** dan **Mesin Penebuk dan Pemotong Buah Kelapa** merangkul tempat pertama dan kedua masing-masing dalam pertandingan Inovasi Myagrosis Politeknik Malaysia. Kemenangan tersebut juga menyaksikan Politeknik Seberang Perai memperolehi hadiah berupa wang tunai bernilai RM5000.00 bagi tempat pertama dan RM 3000.00 bagi tempat kedua.

Pertandingan Inovasi Myagrosis Politeknik Malaysia adalah hasil anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik serta Politeknik Sultan Azlan Shah dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sempena dengan program Pengkomersilan Produk Inovasi NBOS Institusi Pengajian Tinggi (Program Chillax Myagrosis). Program ini mengumpul inovasi produk dan teknologi dari semua politeknik untuk diberi pengiktirafan produk dalam pelbagai variasi yang dibangunkan oleh pelajar politeknik.

Politeknik Seberang Perai telah menghantar 6 penyertaan dalam kategori teknikal yang dipertandingkan. Hasil dari pertandingan tersebut, Politeknik Seberang Perai telah berjaya meraih 3 pingat emas, 3 pingat perak. Butiran terperinci adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual .

TAJUK INOVASI	ANUGERAH
2 IN 1 MESIN KACANG TANAH	GOLD
MESIN PENEBUK DAN PEMOTONG BUAH KELAPA	GOLD
FRIED ICE CREAM MAKER	GOLD
MINI MESIN PENGHIRING PISANG	SILVER
ADJUSTABLE FRUIT WRAPPER	SILVER
AL-AISAR MACHINE	SILVER



Hadiah disampaikan oleh Pengerusi FAMA .YBhg. Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Bin Amiruldin diiringi oleh Timbalan Ketua Pengarah JPP ,DR. Mohammad Naim Bin Yaakub

